

**TEMPOH PERMOHONAN E-KAD TAMAT**

[FOTO RAMDZAN MASIAN/BH]



Untuk video layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

**Sebahagian pendatang asing tanpa izin yang diperiksa** pada Operasi Bersepadu Jabatan Imigresen Malaysia di Bukit Mertajam, semalam.

[FOTO MUHAMMAD SULAIMAN/BH]



**Sebahagian pekerja asing yang diperiksa** oleh Jabatan Imigresen di rumah kongsi di Kapar, Klang.

# Ops Mega tahan 1,035 pendatang tanpa izin

BH  
2/7/17  
mls 3

**PERANGKAIAN OPS MEGA**

JABATAN IMIGRESEN	PREMIS DIPERIKSA	ORANG DIPERIKSA	LELAKI	PEREMPUAN	KANAK-KANAK	JUMLAH	MAJIKAN
Sabah	32	462	45	22	2	69	4
Sarawak	30	431	17	19	0	36	0
Johor	21	888	393	21	0	414	3
Perlis	18	109	39	2	0	41	0
Melaka	12	408	44	2	0	46	0
N Sembilan	11	73	22	1	0	23	0
WP Labuan	7	102	5	1	0	7	0
WP K Lumpur	6	65	42	6	0	48	0
Pulau Pinang	4	92	16	7	0	23	0
Pahang	4	58	7	3	0	10	4
Perak	3	91	34	2	0	36	3
Terengganu	2	64	62	2	0	64	1
Selangor	2	239	39	12	0	51	0
Kedah	2	164	19	1	0	20	0
Kelantan	1	147	147	0	0	147	1
<b>JUMLAH</b>	<b>155</b>	<b>3,393</b>	<b>931</b>	<b>101</b>	<b>3</b>	<b>1,035</b>	<b>16</b>
Warga	Indonesia	Bangladesh	Myanmar	Thailand	Vietnam	Filipina	Lain-lain
	135	515	102	5	2	50	226

\*Jumlah borang 29 yang dikeluarkan: 62 • Jumlah keseluruhan PATI mengikut negara: 1,036 orang

## → 3,393 PATI diperiksa di 155 premis termasuk di Sabah, Sarawak

**Oleh Rohaniza Idris, Siti Azila Alias, Zuraidah Mohamed, Nurul Nadira Shaari dan Nordiana Shafiee**  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 1,035 pendatang asing tanpa izin (PATI) termasuk tiga kanak-kanak ditahan di seluruh negara menerusi Ops Mega yang dilancarkan Jabatan Imigresen selepas tamat tempoh pendaftaran kad sementara atau E-Kad, kelmarin.

Mereka adalah daripada 3,393 PATI yang diperiksa di 155 premis termasuk di Sabah dan Sarawak.

Daripada jumlah itu, warga negara paling ramai ditahan membabitkan Bangladesh (515 orang); lain-lain (226); Indonesia (135); Myanmar (102); Filipina (50); Thailand (5) dan Vietnam (2).

Di **Kuantan**, keratan akhbar ber-

hubung operasi besar-besaran memburu PATI di seluruh negara yang ditampal di rumah kongsi dipercayai membantu mereka meloloskan diri daripada pemeriksaan dilakukan sejak pagi kelmarin di sekitar bandar ini.

Ketua Penguat Kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Pahang, Sayed Abdul Rahman Syed Mahmud, berkata pihaknya mengesan keratan akhbar itu ditampal di kawasan rumah kongsi dan bilik yang diperiksa hasil risikan dilakukan pihaknya.

### PATI lolos

“Kita percaya ramai PATI yang sempat meloloskan diri adalah mereka yang menyimpan (tampal) maklumat (keratan akhbar) mengenai operasi ini di bilik sewa dan kawasan rumah kongsi yang mereka diami.

“Seramai 29 pegawai dan anggota Imigresen Pahang terbabit dalam Operasi Mega bermula jam 10 pagi semalam (kelmarin) di beberapa lokasi di sekitar bandar ini dan 10 PATI berjaya ditahan iaitu empat warga Bangladesh dan masing-masing tiga warga Indonesia dan Myanmar,” katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Sayed Abdul Rahman berkata, hanya 3,629 PATI dan 1,318 majikan mendaftarkan diri dalam program E-Kad sejak 15 Februari lalu.

Semalam, Ketua Pengarah Imigre-

sen, Datuk Seri Mustafar Ali berkata, kedegilan majikan tampil membuat pendaftaran disifatkan sebagai punca proses permohonan E-Kad pendatang asing tanpa izin tidak mencapai matlamat seperti disasarkan.

Hanya 23 peratus atau 161,056 PATI didaftarkan sehingga jam 10 malam kelmarin, iaitu dua jam sebelum tempoh akhir pendaftaran tamat pada 12 tengah malam.

Di **Alor Setar**, seorang majikan memberi alasan tiada masa untuk menguruskan pendaftaran pekerja warga asingnya berstatus PATI untuk memohon E-Kad.

Alasan itu diberi lelaki berusia 33 tahun itu ketika tapak pembinaan rumah kedai di Ampang Jajar, yang diuruskannya diserbu sepasukan penguat kuasa Jabatan Imigresen negeri, pagi semalam.

Seramai 20 pekerja warga asing di tapak pembinaan itu dikesan melakukan pelbagai kesalahan termasuk melanggar syarat pas lawatan diberikan, tidak mempunyai sebarang pas atau permit sah dan menetap lebih masa di negara ini.

Pengarah Imigresen Kedah, Zuhair Jamaludin, berkata alasan diberikan majikan terbabit tidak boleh diterima kerana pihaknya sudah memberi tempoh mencukupi untuk berbuat demikian sejak 15 Februari lalu.



Seramai 29 pegawai dan anggota Imigresen Pahang terbabit dalam Operasi Mega bermula jam 10 pagi semalam (kelmarin) di beberapa lokasi di sekitar bandar ini dan 10 PATI berjaya ditahan”

**Sayed Abdul Rahman**

**Syed Mahmud,**

Ketua Penguat Kuasa  
Jabatan Imigresen  
Malaysia Pahang

“Sehingga tengah malam tadi (kelmarin), kita terima 4,949 permohonan membabitkan 1,127 majikan berbanding 10,000 yang disasarkan dengan 112 permohonan ditolak,” katanya.

### Program gagal

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Samsuddin Bardan berkata, tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen yang enggan membenarkan pekerja asing mendaftarkan diri sendiri dalam program E-Kad menyebabkan program itu gagal.

Beliau berkata, program itu tidak sepatutnya menghadkan hanya majikan yang mempunyai pekerja asing saja membuat pendaftaran E-Kad, sebaliknya perlu membenarkan PATI sendiri untuk berbuat demikian.

“Perkara ini sudah kita maklumkan kepada KDN dan Jabatan Imigresen tetapi mereka tidak mengendahkannya,” katanya kepada BH ketika mengulas program E-Kad yang tidak mendapat sambutan selepas tempoh pendaftarannya berakhir semalam.

Samsuddin berkata, majikan enggan mendaftarkan PATI mereka kerana bimbang disenarai hitam oleh Jabatan Imigresen dan kehilangan pekerja.